



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.ijmoe.com



**PERSEPSI SISWA PENDIDIK TERHADAP ELEMEN FIQH
IKHTILAF DALAM KURIKULUM FIQH IPGM**

*PERCEPTION OF STUDENTS TOWARDS ELEMENTS OF FIQH IKHTILAF IN
IPGM'S FIQH CURRICULUM*

Ahmad Khairudin Taha^{1*}, Atikullah Hj. Abdullah²

¹ Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Malaysia
Email: din_taha@yahoo.com

² Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Malaysia
Email: atik@usm.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 10.09.2020

Revised date: 23.10.2020

Accepted date: 26.10.2020

Published date: 07.12.2020

To cite this document:

Taha, A. K., & Hj. Abdullah, A. (2020). Persepsi Siswa Pendidik Terhadap Elemen Fiqh Ikhtilaf Dalam Kurikulum Fiqh IPGM. *International Journal of Modern Education*, 2(7), 27-41.

DOI: 10.35631/IJMOE.27003

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Secara umumnya pihak Malaysian Qualification Agency (MQA) (2015) melaporkan bahawa kurikulum PISMP Pendidikan Islam mempunyai kelemahan dan perlu dibuat penambahbaikan serta diambil tindakan pembetulan. Manakala elemen-elemen fiqh ikhtilaf pula adalah satu keperluan semasa yang penting yang patut diterapkan dalam kurikulum fiqh di IPGM. Namun begitu, setakat ini, tiada kajian yang khusus dijalankan untuk mengkaji cakupan elemen-elemen fiqh ikhtilaf dalam kurikulum fiqh ini. Artikel ini akan membincangkan gambaran awal berkaitan persepsi siswa pendidik opsyen Pendidikan Islam Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Tun Abdul Razak terhadap elemen-elemen fiqh ikhtilaf yang terdapat dalam kurikulum fiqh bagi Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Pendidikan Islam. Kajian ini adalah kajian tinjauan. Soal selidik digunakan untuk melihat persepsi siswa pendidik terhadap elemen-elemen fiqh ikhtilaf yang terdapat dalam kursus-kursus fiqh. Dapatan kajian mendapati bahawa elemen-elemen fiqh ikhtilaf kurang diterapkan dalam kurikulum fiqh. Siswa pendidik juga menzahirkan pandangan tentang ketidakmampuan mereka untuk berinteraksi dengan isu-isu ikhtilaf yang berbangkit. Mereka juga bersepatat mengatakan pentingnya elemen fiqh ikhtilaf diterapkan dalam kurikulum pengajian fiqh di IPGM. Bagi memantapkan lagi kurikulum fiqh ini, kajian ini mencadangkan agar kurikulum fiqh IPGM diteliti semula. Elemen-elemen fiqh ikhtilaf juga patut diterapkan dengan lebih baik dan lebih tersusun.

Kata Kunci:

PISMP Pendidikan Islam, Kurikulum Pendidikan Islam IPGM, Kurikulum Fiqh IPGM, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Elemen Fiqh Ikhtilaf

Abstract:

In general, the Malaysian Qualification Agency (MQA) (2015) reported that the curriculum of Islamic Education PISMP has weaknesses and needs to be improved and corrective action is taken. While the elements of fiqh ikhtilaf is an important current need that should be applied in the fiqh curriculum at IPGM. However, so far, no specific study has been conducted to study the scope of the elements of fiqh ikhtilaf in this fiqh curriculum. This article will discuss the initial overview of the perception of students of Islamic Education in the Institute of Teacher Education (IPG) Tun Abdul Razak Campus on the elements of fiqh ikhtilaf found in the fiqh curriculum. This study is a survey study. Questionnaires were used to see the perceptions of students on the elements of fiqh ikhtilaf found in fiqh courses. The findings of the study found that the elements of fiqh ikhtilaf are less applied in the fiqh curriculum. Students also expressed their views on their inability to interact with the issues of disagreement in fiqh that arose. They also agreed to say the importance of the element of fiqh ikhtilaf applied in the curriculum of fiqh studies at IPGM. To further strengthen this fiqh curriculum, this study suggests that the IPGM fiqh curriculum be re-examined. The elements of fiqh ikhtilaf should also be applied better and more organized.

Keywords:

Islamic Education PISMP, IPGM Islamic Education Curriculum, IPGM Fiqh Curriculum, Malaysian Institute Of Teacher Education (IPGM), Element Of Fiqh Ikhtilaf

Pengenalan

Al-Qaradhawi (2001) membahagikan jurusan ilmu fiqh kepada lima bahagian dan salah satu darinya adalah fiqh ikhtilaf. Jurusan ilmu fiqh ini harus diambil berat untuk dipelajari. Adalah menjadi satu keperluan kepada penuntut ilmu agama untuk menguasai dan mempraktikkannya supaya mereka dapat berinteraksi dengan baik terhadap perkara-perkara khilafiah yang berbangkit. Adalah diharapkan kurikulum fiqh yang diajarkan kepada bakal guru Pendidikan Islam turut menerapkan elemen-elemen fiqh ikhtilaf ini.

Latar Belakang Kajian***IPGM***

Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) yang dahulunya dikenali sebagai maktab perguruan merupakan sebuah institusi pendidikan yang melatih bakal-bakal guru sekolah rendah dan menengah. IPGM menawarkan sebanyak enam program utama di IPG iaitu Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP), Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian (PISMP), Program Diploma Pendidikan Lepas Ijazah (PDPLI), Program Diploma Perguruan Malaysia (PDPM), Diploma Perguruan Lepas Diploma (DPLD) dan Latihan Dalam perkhidmatan (LDP). IPGM melaksanakan latihan perguruan melalui mod sepenuh masa dan mod separuh masa. IPGM berfungsi sebagai induk kepada 27 Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) di seluruh negara. Melalui kampus-kampus inilah, IPGM melatih para guru.

PISMP

IPGM mula menawarkan PISMP sejak awal penubuhannya iaitu pada tahun 2007 bagi memenuhi keperluan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk melahirkan guru sekolah rendah yang berijazah. Matlamat Program ini adalah untuk melahirkan guru siswazah sekolah rendah yang terlatih, dinamik, berwibawa dan kompeten dalam melaksanakan tugas-tugas mereka sebagai pendidik dan memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru. Pelbagai opsyen ditawarkan termasuklah opsyen Pendidikan Islam. Program pengajian yang ditawarkan adalah bertujuan untuk memberi ilmu pengetahuan dan menyediakan pengalaman bagi membolehkan bakal guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas yang berkaitan dengan profesion perguruan. Program ini ditawarkan di kampus-kampus Institut Pendidikan Guru (IPG) di seluruh negara. Matlamat Program ini adalah untuk melahirkan guru siswazah sekolah rendah yang terlatih, dinamik, berwibawa dan kompeten dalam melaksanakan tugas-tugas mereka sebagai pendidik dan memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru.

Kurikulum PISMP

Seseorang siswa pendidik layak dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian setelah berjaya menyempurnakan pengajian selama 8 semester dengan jumlah 133 jam kredit dan memenuhi semua syarat lain yang ditetapkan oleh Senat IPG. Bagi setiap opsyen yang ditawarkan, siswa pendidik dikehendaki mengambil Kursus IPG (16 kredit), Kursus Asas Pendidikan (24 kredit), Kursus Teras (48 Kredit), Kursus Amalan Profesional (16 kredit), Kursus Elektif Teras (20 kredit) dan Kursus Elektif Terbuka (9 kredit). Subjek-subjek bagi Kursus Teras, Kursus Elektif Teras dan Kursus Elektif terbuka yang membezakan antara satu opsyen dengan opsyen yang lain.

PISMP Pendidikan Islam

Sebelum mengikuti PISMP Pendidikan Islam, siswa pendidik dikehendaki terlebih dahulu mengikuti Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) Pendidikan Islam. Pada peringkat ini, siswa pendidik akan mengambil 16 kursus yang terdiri dari kursus tumpuan (24 kredit) dan kursus generik (26 kredit) dengan jumlah keseluruhan kursus sebanyak 50 jam kredit. Tempoh pengajian di peringkat ini ada selama 2 semester. Selepas mengikuti dan lulus PPISMP Pendidikan Islam, siswa pendidik akan meneruskan pengajian di peringkat PISMP. PISMP ini dikhususkan untuk melatih bakal guru Pendidikan Islam dalam pelbagai bidang bagi memenuhi keperluan KPM untuk melahirkan guru sekolah rendah yang berijazah. Program pengajian yang ditawarkan adalah bertujuan untuk memberi ilmu pengetahuan dan menyediakan pengalaman bagi membolehkan bakal guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas yang berkaitan dengan profesion perguruan. Program ini ditawarkan di kampus-kampus Institut Pendidikan Guru (IPG) yang terpilih di seluruh negara.

Kurikulum Fiqh PISMP

Dalam kajian ini, penyelidik akan memberi tumpuan kepada kursus-kursus yang ditawarkan di bawah Kursus Teras, Kursus Elektif Teras dan Kursus Elektif Terbuka yang berkaitan dengan bidang yang dikaji. Kursus-kursus yang menjadi tumpuan ialah PIMK3083 Pengajian Fiqh dan FKIK3013 Fiqh Kekeluargaan. Ini adalah kerana, subjek-subjek inilah yang ada kaitan secara langsung dengan bidang yang dikaji oleh penyelidik. Penyelidik juga akan menumpukan perhatian pada subjek PIM1034 Pengantar Ilmu Fiqh yang ditawarkan pada peringkat PPISMP memandangkan ia juga adalah berkaitan.

Penyataan Masalah

Secara umumnya, kurikulum PISMP Pendidikan Islam telah digubal dengan agak menyeluruh. Namun begitu, masih terdapat ruang penambahbaikan yang perlu dilakukan. Antara perkara yang perlu diperbaiki adalah pada bahagian kandungan kurikulum itu sendiri. Pihak MQA pernah membuat teguran bahawa kandungan kurikulum Pendidikan Islam IPG masih terdapat kelemahan dan perlu dibuat penambahbaikan serta diambil tindakan pembetulan.

Penambahbaikan terhadap isi kandungan kurikulum ini juga difikirkan perlu dibuat pada subjek-subjek yang berkaitan dengan kurikulum fiqh. Melalui pengalaman dan pemerhatian penyelidik di lapangan mendapati bahawa terdapat siswa pendidik yang bimbang untuk mengajarkan isi kandungan tertentu yang terdapat dalam silibus KSSR. Contohnya, dalam pengajaran ibadah solat, ada dalam kalangan mereka dilihat bimbang dan keberatan mahu mengajarkan lafaz niat solat kerana beranggapan ia adalah bidaah. Semua bidaah pada pemahaman mereka adalah satu kesesatan yang akan menjerumuskan pelakunya ke dalam neraka. Ini menunjukkan bahawa terdapat siswa pendidik yang masih lemah dalam memahami dan berinteraksi dengan isu ikhtilaf fiqhi.

Bahkan dalam kes yang lebih teruk lagi, ada dalam kalangan mereka tidak bersetuju dengan isi kandungan tertentu yang terdapat dalam tajuk-tajuk tertentu yang diajar dalam silibus Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang digubal oleh pihak KPM. Ini memberi gambaran yang tidak baik dari sudut adab dan sikap siswa pendidik dalam berinteraksi dengan perkara-perkara ikhtilaf yang berbangkit. Ia juga memberikan satu persoalan lain iaitu adakah kurikulum fiqh IPGM yang sedia ada memadai untuk memberikan kefahaman kepada siswa pendidik terhadap isu ikhtilaf fiqhi yang berbangkit dalam masyarakat.

Kebimbangan terhadap kelemahan bakal guru berinteraksi dengan isu khilafiah ini juga pernah disuarakan oleh Dr. Haji Adenan Haji Basar (2018) (Rektor Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei) dan Prof. Dato' Dr. Ab. Halim Tamuri (Rektor KUIS) semasa menyampaikan syarahan di The 5th International Conference On Research In Islamic Education and Arabic Language 2018 pada awal Januari 2018 yang lalu. Isu-isu ikhtilaf fiqhi ini perlu diberi perhatian kerana kemungkinan ia merupakan masalah yang paling berbahaya yang telah melanda dunia umat Islam di seluruh dunia.

Kesimpulannya, elemen-elemen fiqh ikhtilaf dalam kurikulum IPG haruslah dikaji dengan lebih mendalam memandangkan ianya adalah satu keperluan semasa selaras dengan cadangan pihak MQA yang menegaskan bahawa isu dan trend yang terjadi pada peringkat nasional, serantau dan antarabangsa hendaklah diambil kira dalam analisis keperluan sesuatu program. Tambahan pula, setakat pembacaan penyelidik, belum ada kajian sebegini telah dijalankan. Pengalaman penyelidik sebagai tenaga pengajar di IPG dalam bidang ini mungkin dapat dikongsi dan difikirkan ada kelebihannya yang tersendiri.

Objektif dan Soalan Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk meninjau persepsi siswa pendidik terhadap elemen-elemen fiqh ikhtilaf yang terdapat dalam kursus-kursus fiqh IPGM. Secara khususnya kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan-persoalan yang berikut:

- i) Apakah persepsi siswa pendidik terhadap penerapan elemen fiqh ikhtilaf dalam kursus fiqh di IPG?
- ii) Adakah kursus-kursus fiqh di IPG membantu kefahaman siswa pendidik PISMP Pendidikan Islam terhadap isu ikhtilaf fiqhi yang berbangkit?
- iii) Apakah bentuk tindak balas siswa pendidik PISMP Pendidikan Islam terhadap isu ikhtilaf fiqhi yang berbangkit?
- iv) Apakah pandangan siswa pendidik terhadap kepentingan penerapan kurikulum fiqh ikhtilaf dalam kurikulum fiqh IPG?

Keputusan Kajian

Kajian yang dijalankan mampu memberikan sumbangan yang signifikan kepada ilmu fiqh secara umumnya dan kepada bidang fiqh ikhtilaf secara khususnya. Dapatan yang diperolehi mampu menguatkan lagi teori-teori berkaitan fiqh ikhtilaf yang sudah sedia ada seterusnya menyediakan satu model yang sesuai dipraktikkan dalam konteks seorang guru Pendidikan Islam di negara ini. Oleh yang demikian, isu-isu ikhtilaf yang berbangkit akan dapat difahami dan ditangani dengan berkesan.

Input dari kajian ini juga boleh dijadikan panduan kepada pihak IPGM bagi merangka kurikulum fiqh yang lebih mantap. Ini adalah kerana perbincangan kajian ini adalah relevan dengan isu dan trend semasa yang berlaku dalam bidang fiqh. Inti pati kajian yang dilaksanakan ini difikirkan seiring dengan garis panduan penggubalan kurikulum yang telah dikeluarkan oleh pihak MQA.

Model Kurikulum fiqh IPG yang terhasil dari kajian ini juga difikirkan mampu memberikan input yang baik bagi menyediakan siswa pendidik yang mampu berinteraksi dengan isu-isu fiqh yang berbangkit di negara kita. Tambahan lagi, sebahagian isu ikhtilaf fiqhi yang sering berbangkit memang terdapat di dalam silibus subjek Pendidikan Islam KSSR. Apabila siswa pendidik menguasai kurikulum fiqh dengan mantap, penyelidik percaya bahawa siswa pendidik tidak akan merasa sangsi dengan aliran pemikiran fiqh arus perdana di negara ini.

Dari sudut kepentingan kajian kepada pihak KPM pula, hasil dari penguasaan yang mantap terhadap fiqh ikhtilaf dalam kalangan siswa pendidik dan guru Pendidikan Islam, kandungan silibus Pendidikan Islam KSSR seperti yang dihasratkan akan berjaya diajar kepada murid. Murid sekolah rendah akan mendapat manfaat yang lebih banyak. Aliran fiqh yang dipegang di negara ini akan berjaya disampaikan kepada mereka dengan baik. Mereka tidak akan dibebani dengan kelemahan guru yang mengajar isi kandungan pendidikan Islam. Usia mereka masih terlalu muda untuk memahami ikhtilaf-ikhtilaf ulama.

Berdasarkan perbincangan di atas, penyelidik berpandangan bahawa kajian ini penting untuk dijalankan bagi memantapkan kurikulum fiqh IPG. Penyelidik optimis bahawa kefahaman dengan lebih mendalam dan menyeluruh akan diperolehi seterusnya mampu mengutarakan cadangan-cadangan yang bernas kepada pihak-pihak yang berkepentingan.

Tinjauan Literatur

Elemen kefahaman fiqh ikhtilaf merujuk kepada anasir atau sesuatu yang menjadi sebab seseorang dianggap mempunyai kefahaman dan kecerdikan di dalam berinteraksi dengan perkara-perkara ikhtilaf. Dalam menggariskan elemen fiqh ikhtilaf ini, Al-Qaradhawi (2001) telah menggariskan 10 elemen pemikiran fiqh ikhtilaf dan 6 elemen akhlak fiqh ikhtilaf. Al-

Qardhawi (2001) telah menggariskan 10 tonggak pemikiran dan 6 tonggak akhlak dalam fiqh ikhtilaf. 10 tonggak pemikiran fiqh ikhtilaf yang digariskan beliau ialah; 1. Perbezaan pada masalah furuk adalah satu kemestian (dorurat), rahmat dan keluasan (الاختلاف في الفروع ضرورة ورحمة وسعة); 2. mengikut manhaj pertengahan dan meninggalkan sikap berlebihan dalam agama (اتباع المنهج الوسط وترك التنطع في الدين); 3. memfokuskan kepada perkara muhkamat bukannya kepada perkara mutasyabihat (التركيز على المحكمات لا المتشابهات); 4. tidak menolak dan mengingkari seseorang dalam masalah *ijtihadiyyah* (تجنب القطع والإنكار في المسائل الاجتهادية); 5. kemestian menelaah perbezaan pendapat para ulama (ضرورة الاطلاع على اختلاف العلماء); 6. membatasi (memahami betul-betul) pengertian dan istilah (تحديد المفاهيم والمصطلحات); 7. memberi tumpuan yang lebih kepada permasalahan umat Islam yang lebih penting (شغل المسلم بهوم أمته الكبرى); 8. saling bekerjasama dalam masalah yang disepakati (التعاون في المتفق عليه); 9. saling bertoleransi dalam masalah yang diperselisihkan (التسامح في المختلف فيه); 10. tidak mudah mengkafirkan orang yang mengucapkan 'la ila illallah' (الكف عن من قال لا إله إلا الله). Manakala 6 tonggak akhlak dalam fiqh ikhtilaf yang telah beliau gariskan adalah; 1. Ikhlas kerana Allah SWT dan menjauhi hawa nafsu (الإخلاص والتجرد من الأهواء); 2. Bebas daripada taasub kepada individu atau mazhab atau kumpulan (التحرر من التعصب للأشخاص والمذاهب والطوائف); 3. Berbaik sangka terhadap orang lain (إحسان); 4. Meninggalkan cercaan dan penilaian negatif terhadap orang lain yang berlainan pandangan (الظن بالآخرين); 5. Menjauhkan diri dari sifat menunjuk-nunjuk dan juga berlebih-lebihan dalam perbalahan (البعد عن المراء واللد في الخصومة); 6. Berbincang dengan baik (الحوار بالتي هي أحسن).

Begitu juga dengan uruf dan ketetapan daripada pihak ulul amri hendaklah diambil kira sebagai satu elemen kefahaman fiqh ikhtilaf. Ini kerana uruf diambil kira di dalam penentuan hukum hakam seperti yang dijelaskan dalam kaedah fiqh yang bermaksud adat diambil kira dalam permasalahan hukum (العادة مُحَكَّمَةٌ). Manakala ketetapan ulul amri pula boleh menyelesaikan banyak isu ikhtilaf yang terjadi pada sesuatu perkara. Ini adalah berasaskan kepada kaedah fiqh yang bermaksud keputusan hakim atau pemerintah akan mengangkat atau menjadi kata putus kepada sesuatu pertikaian yang terjadi (حُكْمُ الْحَاكِمِ يَرْفَعُ الْجَلَالَات). Ketetapan daripada pihak ulul amri ini dizahirkan dalam enakmen pentadbiran undang-undang Islam yang digubal oleh kerajaan-kerajaan negeri dan juga garis panduan yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan. Enakmen tersebut menegaskan bahawa hukum hakam dan fatwa yang digubal dan disebar di Malaysia hendaklah pada lazimnya berasaskan kepada *qaul* muktamad dalam mazhab Syafie. Jika *qaul* tersebut membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, *qaul* muktamad dalam Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali akan diguna pakai. Jika tiada satu pun *qaul* muktamad daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, mufti bolehlah menyelesaikan persoalan itu mengikut hematnya sendiri tanpa terikat dengan *qaul* muktamad daripada mana-mana Mazhab yang empat itu.

Dari sudut kurikulum PISMP Pendidikan Islam pula, ia dilihat telah digubal dengan agak baik dan menyeluruh. Namun begitu, berdasarkan Laporan Penilaian Pematuhan Akreditasi Program - MQA. 10/99 Jld. 3 (48), kurikulum ini masih terdapat ruang penambahbaikan yang perlu dilakukan. Antara perkara yang perlu diperbaiki adalah pada bahagian kandungan kurikulum itu sendiri. Pihak MQA pernah membuat teguran bahawa kandungan kurikulum Pendidikan Islam IPG masih terdapat kelemahan dan perlu dibuat penambahbaikan serta diambil tindakan pembetulan.

Berkenaan dengan kemampuan bakal guru Pendidikan Islam berinteraksi dengan isu khilafiah pula, Dr. Haji Adenan Haji Basar (2018) (Rektor Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei) dan Prof. Dato' Dr. Ab. Halim Tamuri (Rektor KUIS) pernah menyatakan kebimbangan mereka terhadap perkara ini semasa menyampaikan syarahan di The 5th International Conference On Research In Islamic Education and Arabic Language 2018 pada Januari 2018.

Menurut Taha Jabir Al-'Alwani (1992), isu-isu ikhtilaf fiqhi ini perlu diberi perhatian yang serius kerana boleh jadi ia merupakan antara masalah yang paling berbahaya yang telah melanda dunia umat Islam di seluruh dunia. Mahmood Zuhdi (2018) pula berpandangan bahawa, dengan menguasai fiqh ikhtilaf dan beberapa disiplin ilmu yang lain, seseorang muslim boleh mengetahui dengan baik sebab-sebab berlakunya ikhtilaf dalam kalangan ulama kerana terdapat faktor-faktor tertentu yang menyumbang kepada ikhtilaf fiqhi ini. Kadang-kadang, faktor hukum fiqh yang bersifat dinamik terhadap keadaan semasa dan masalah setempat adalah penyumbang kepada sebab-sebab berlakunya ikhtilaf ini. Manakala Saadan Man et al (2009) pula berpendapat, sikap keterbukaan minda terhadap percambahan ilmu dan saling hormat menghormati terhadap pandangan orang lain adalah asas penting di dalam berinteraksi dengan isu ikhtilaf fiqhi ini supaya masyarakat awam tidak akan menghukum secara sesuka hati sesama mereka.

Berkenaan dengan KSSR Pendidikan Islam pula, ia telah dibina bagi memenuhi keperluan pendidikan Islam secara holistik, bersepadu dan berkembang serta bersifat autentik selaras dengan keperluan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam yang diperkenalkan dalam sistem pendidikan negara. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) pula merupakan satu dokumen lengkap kurikulum untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat disampaikan dengan berkesan. Antara kandungan yang ada dalam DSKP ialah standard kandungan, standard pembelajaran dan standard prestasi. Standard Kandungan adalah pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan serta boleh tunjukkan melalui perubahan tingkah laku dalam satu tempoh persekolahan, merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Manakala standard pembelajaran pula adalah satu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan. Standard Prestasi adalah satu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap penguasaan murid sebagai petunjuk bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai. Himpunan Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi ini akan digunakan oleh guru untuk mengukur tahap penguasaan yang boleh dicapai oleh murid setelah berlakunya interaksi antara guru dan murid dalam sesi PdP.

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini bersifat deskriptif kerana ia bertujuan untuk menjelaskan pandangan siswa pendidik terhadap elemen-elemen fiqh ikhtilaf dalam kurikulum fiqh IPGM.

Responden Kajian

Kajian ini disasarkan kepada 15 orang siswa pendidik opsyen Pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Tun Abdul Razak. Pemilihan mereka adalah disebabkan mereka telah berada pada semester 8 dan telah mengambil kesemua kursus yang berkaitan dengan fiqh. Semua siswa pendidik telah melengkapkan soal selidik yang diedarkan.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini dibina untuk mengesan pandangan siswa pendidik terhadap elemen-elemen fiqh ikhtilaf. Sebanyak 7 item tertutup dan 2 item soalan terbuka telah dibina. Bagi item 1 dan 2, responden diminta memberi pandangan mereka berdasarkan skala Likert seperti pada Jadual 3.1.

Jadual 3.1: Skala Likert Yang Diguna

| Skala | Interpretasi |
|-------|---------------------|
| 1 | Sangat tidak setuju |
| 2 | Tidak setuju |
| 3 | Kurang setuju |
| 4 | Setuju |
| 5 | Sangat Setuju |

Bagi Item 4, 6, 7 dan 8, responden diminta untuk menjawab berdasarkan skala seperti pada Jadual 3.2.

Jadual 3.2:Skala Yang Diguna

| Skala | Interpretasi |
|-------|------------------------------|
| 1 | Setuju |
| 2 | Tidak setuju |
| 3 | Berkecuali / Tidak Berkaitan |

Bagi item 3 pula, responden diminta untuk menyatakan reaksi kebiasaan mereka terhadap isu-isu ikhtilaf fiqhi yang berbangkit. Responden diberi 7 pilihan jawapan seperti pada Jadual 3.3.

Jadual 3.3:Skala Yang Diguna

| Skala | Interpretasi |
|-------|--|
| 1 | Berpegang dengan pandangan majoriti ulama (ulama bermazhab Syafie di Malaysia) |
| 2 | Berpegang dengan ulama tidak bermazhab di Malaysia |
| 3 | Ikut amalan yang dilaksanakan oleh majoriti umat Islam |
| 4 | Tidak akan menyebelahi mana-mana pihak |
| 5 | Tidak ambil tahu dan tidak kesah sangat dengan ikhtilaf yang terjadi |
| 6 | Merasa bingung dengan apa yang berlaku |
| 7 | Lain-lain jawapan |

Selain 7 item tertutup, terdapat 2 soalan terbuka iaitu soalan 5 dan 9. Item soalan 5 meminta siswa pendidik memberikan justifikasi terhadap jawapan pada item 4 iaitu berkenaan dengan pandangan mereka terhadap kandungan kurikulum lafaz niat solat diajar kepada murid. Manakala item 9 pula berkenaan dengan pandangan siswa pendidik terhadap kepentingan penerapan kurikulum fiqh ikhtilaf untuk diajarkan dalam kurikulum fiqh PPISMP & PISMP.

Kaedah Mengumpul Data

Data kajian ini dikumpul dengan kaedah tinjauan melalui borang soal selidik untuk memperoleh skor peratus. Pandangan responden secara bertulis juga diperolehi bagi item 5 dan 9. Kesesuaian kaedah ini disokong oleh pendapat Cohen, Manion dan Morrison (2007) yang menjelaskan bahawa kaedah tinjauan dapat mengumpul data pada satu-satu masa tertentu untuk menjelaskan situasi yang sedia wujud (dalam konteks kajian ini, kewujudan elemen fiqh ikhtilaf dalam kurikulum fiqh IPGM). Justeru, data yang dikumpul dapat membekalkan maklumat deskriptif dan penjelasan terhadap kewujudan elemen-elemen fiqh ikhtilaf dalam kurikulum fiqh IPGM melalui perspektif siswa pendidik.

Kaedah Menganalisis Data

Data kuantitatif yang dikumpul dimasukkan ke dalam hamparan elektronik menggunakan perisian *Microsoft Excel*. Skor bagi kesemua 7 item tertutup daripada 15 orang responden dimasukkan ke dalam hamparan elektronik untuk tujuan pengiraan nilai skor peratus bagi setiap item. Untuk data kualitatif pula, ia dikumpul melalui soalan terbuka dalam borang soal selidik. Kesemua hasil penulisan responden dibaca untuk mengenal pasti isi utama dan dikelaskan mengikut kategori. Analisis data kualitatif juga dikaitkan dengan analisis data kuantitatif untuk melihat sama ada data kualitatif menyokong data kuantitatif atau sebaliknya.

Analisis Data dan Dapatan Kajian

Perbincangan analisis data dan dapatan bagi kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian yang utama, iaitu bermula dengan analisis dan dapatan terhadap tujuh item kuantitatif dan disusuli dengan dua item kualitatif.

Analisis dan Dapatan Item Soal Selidik Kuantitatif

Sebanyak 7 item tertutup terlibat dalam analisis kuantitatif iaitu item 1, 2, 3, 4, 6, 7 & 8. Jadual 4.1 di bawah merujuk kepada item 1 dan 2 iaitu berkenaan dengan kefahaman dan keyakinan siswa pendidik berinteraksi dengan isu ikhtilaf fiqhi yang berbangkit.

Jadual 4.1: Skor Peratus Bagi Item 1 dan 2

| No. | Item | Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Kurang Setuju | Setuju | Sangat Setuju |
|-----|--|---------------------|--------------|---------------|---------------|---------------|
| 1 | Saya boleh memahami dengan baik isu-isu ikhtilaf fiqhi yang terjadi dalam negara kita. | - | - | 1 (6.7%) | 12 (80.0%) | 2 (13.3%) |
| 2. | Saya yakin mampu berinteraksi dengan baik terhadap isu-isu ikhtilaf fiqhi yang berbangkit. | - | - | 6 (40.0%) | 9 (60.0%) | - |

Daripada data di atas, kita dapat mengatakan bahawa majoriti iaitu 80.0% responden merasakan mereka boleh memahami dengan baik isu-isu ikhtilaf fiqhi yang berbangkit. Namun begitu, 40.0% daripada mereka menzahirkan perasaan kurang yakin mampu berinteraksi dengan baik terhadap isu-isu ikhtilaf fiqhi yang berbangkit.

Bagi item 3 pula, responden diminta untuk menyatakan reaksi kebiasaan mereka apabila mereka berhadapan dengan isu-isu ikhtilaf fiqhi yang berbangkit. Sebanyak 7 pilihan diberikan termasuklah pilihan 'Lain-lain jawapan'. Jika responden memilih 'Lain-lain jawapan', responden diminta untuk memberikan jawapannya secara spesifik di ruang yang disediakan dalam soal selidik tersebut. Respons kepada item 3 adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.2 di bawah.

Jadual 4.2:Skor Peratus Bagi Item 3

| Skala | Interpretasi | Bil (Peratus) |
|-------|--|---------------|
| 1 | Berpegang dengan pandangan majoriti ulama bermazhab Syafie di Malaysia | 10 (66.7%) |
| 2 | Berpegang dengan ulama tidak bermazhab di Malaysia | 2 (13.3%) |
| 3 | Ikut amalan yang dilaksanakan oleh majoriti umat Islam | 1 (6.7%) |
| 4 | Tidak akan menyebelahi mana-mana pihak | 1 (6.7%) |
| 5 | Tidak ambil tahu dan tidak kesah sangat dengan ikhtilaf yang terjadi | - |
| 6 | Merasa bingung dengan apa yang berlaku | - |
| 7 | Lain-lain jawapan | 1 (6.7%) |

Jadual 4.3 di atas menunjukkan sebanyak 66.7% responden berpegang dengan pandangan majoriti ulama bermazhab Syafie di Malaysia. Manakala responden berpegang dengan pandangan ulama tidak bermazhab di Malaysia sebanyak 13.3%. Seterusnya mengikut amalan yang dilaksanakan oleh majoriti umat Islam Malaysia, tidak menyebelahi mana-mana pihak dan lain-lain jawapan adalah sebanyak 6.7%. Bagi respons 'lain-lain jawapan', responden memberikan jawapan lanjutan seperti berikut;

" Berbincang dengan ustaz yang dipercayai serta membuat bacaan tentang pandangan ulama di Malaysia. Dan merujuk pandangan mufti."

Respons yang diterima bagi item 4, 6, 7 dan 8 pula ditunjukkan dalam Jadual 4.3 di bawah:

Jadual 4.3:Skor Peratus Bagi Item 4, 6, 7 dan 8

| No. | Item | Setuju | Tidak Setuju | Berkecuali/ Tidak Berkaitan / Catatan |
|-----|--|---------------|---------------|---|
| 4 | Adakah anda bersetuju murid-murid sekolah rendah diajar dengan lafaz niat solat sedangkan amalan tersebut tidak dinyatakan secara jelas di dalam Al-Quran dan Al-Sunnah? | 14 (93.4%) | 1 (6.7%) | - |
| 5 | Berikan justifikasi terhadap jawapan anda. | | | <i>Soalan Terbuka</i> |
| 6 | Adakah anda bersetuju bahawa terdapat aliran pemikiran yang berbeza dalam kalangan para ulama dalam memahami dan berinteraksi dengan perkara ikhtilaf fiqhi? | 14 (93.4%) | 1 (6.7%) | - |
| 7 | (Jika jawapan anda 'Setuju') Adakah anda bersetuju bahawa pertembungan yang berlaku antara aliran pemikiran ulama tersebut adalah pertembungan yang sihat? | 10 (66.7%) | 2 (13.3%) | 3 (20.0%) |
| 8 | Adakah anda bersetuju bahawa kandungan kurikulum subjek berkaitan fiqh PPISMP & PISMP memadai untuk memahami isu-isu ikhtilaf fiqhi yang berbangkit dengan baik | 5 (33.3%) | 10 (66.7%) | - |
| 9 | Apakah pandangan anda terhadap kepentingan penerapan kurikulum fiqh ikhtilaf untuk diajarkan dalam kurikulum fiqh PPISMP & PISMP? | | | <i>Soalan Terbuka</i> |

Jadual 4.3 menunjukkan bahawa, bagi item 4 sebanyak 93.4% pelajar bersetuju dengan isi kandungan lafaz solat diajarkan di sekolah. Manakala 6.7% pula tidak bersetuju dengan perkara tersebut. Bagi item 6 pula, iaitu berkaitan dengan pandangan pelajar terhadap pertembungan aliran pemikiran yang berbeza dalam memahami dan berinteraksi dengan perkara ikhtilaf fiqhi, juga sebanyak 93.4% bersetuju dengan perkara ini dan 6.7% responden pula tidak bersetuju. Bagi item 7 pula, 66.7% responden mengatakan bahawa pertembungan yang berlaku antara aliran pemikiran tersebut adalah pertembungan yang sihat. Manakala 13.3% mengatakan sebaliknya. Manakala 20.0% responden dalam kategori 'tidak berkaitan' dan 'berkecuali'. Bagi item 8 pula, sebanyak 33.3% responden bersetuju dengan kandungan kurikulum subjek

berkaitan fiqh PPISMP & PISMP memadai untuk memberikan kefahaman yang baik terhadap isu-isu ikhtilaf fiqhi yang berbangkit. Manakala 66.7% pula mengatakan sebaliknya.

Analisis dan Dapatan Item Kualitatif

Perbincangan berkaitan pandangan responden bagi item kualitatif adalah berdasarkan item 5 dan 9. Item 5 merujuk kepada justifikasi responden terhadap kewajaran mengajar lafaz niat solat kepada murid sedangkan amalan tersebut tidak dinyatakan secara jelas di dalam Al-Quran dan Al-Sunah. Manakala item 9 pula merujuk kepada pandangan responden terhadap kepentingan penerapan kurikulum fiqh ikhtilaf dalam kurikulum fiqh PPISMP & PISMP.

Analisis Pandangan Responden Terhadap Justifikasi Kewajaran Mengajar Lafaz Niat Solat

Secara umumnya, majoriti atau 93.4% responden bersetuju isi kandungan lafaz niat solat diajarkan kepada murid. Hanya seorang atau 6.7% tidak setuju dengan isi pembelajaran tersebut atas alasan murid lebih faham dengan konsep niat jika tidak diajarkan lafaz tersebut. Bagi responden yang bersetuju dengan isi kandungan tersebut pula memberi alasan seperti murid lebih jelas dengan ibadat yang dilakukan, dapat menetapkan niat, lebih faham konsep niat, ia adalah amalan kebiasaan masyarakat, dapat melatih murid melazimi setiap perbuatan dengan niat dan dapat mengelakkan kekeliruan.

Berikut merupakan beberapa petikan penuh penulisan beberapa responden:

“Pada pendapat saya, ini merupakan asas dalam pendidikan kanak-kanak. Mereka perlu diajar dahulu lafaz-lafaz ini sebagai panduan untuk memahami ibadah yang ditetapkan dengan lebih mudah. Hal ini juga bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan kanak-kanak.”

“Untuk mendidik murid bahawa setiap perbuatan perlu dimulakan dengan niat.”

“Pada saya untuk pendidikan rendah kita bermula dengan mengajar mengikut amalan kebiasaan masyarakat. Untuk pendidikan tinggi baru kita berbincang mengenai perbezaan pandangan ulama tentang perkara itu.”

Respons-respons di atas memberi gambaran bahawa, lafaz niat solat boleh menjadi panduan kepada murid untuk memahami sesuatu ibadah dengan lebih mudah, boleh mengelakkan kekeliruan, boleh mendidik murid supaya memulakan ibadah dengan niat dan guru seharusnya mengajar murid mengikut amalan kebiasaan masyarakat.

Analisis Pandangan Responden Terhadap Kepentingan Penerapan Kurikulum Fiqh Ikhtilaf Dalam Kurikulum Fiqh PPISMP & PISMP

Kesemua responden menzahirkan pandangan yang menggambarkan persetujuan tentang kepentingan penerapan elemen fiqh ikhtilaf dalam kurikulum fiqh PPISMP & PISMP. Berikut merupakan beberapa petikan penuh penulisan beberapa responden:

“Pada pandangan saya, penerapan kurikulum fiqh ikhtilaf ini sangat penting kepada guru pelatih agar mampu memahami lebih mendalam tentang fiqh ikhtilaf. Tambahan lagi, apabila menjadi guru sebenar ia amat membantu guru untuk memberikan pandangan seandainya ada masyarakat yang bertanya.”

“Pandangan saya kepentingannya adalah untuk membuka minda siswa pendidik untuk cakna dengan isu semasa berkaitan perkara tersebut.”

“Supaya siswa pendidik lebih memahami perbezaan yang berlaku untuk berdepan dengan masyarakat yang pelbagai ragam.”

Dalam penulisan di atas, antara kepentingan yang dinyatakan oleh responden terhadap penerapan elemen fiqh ikhtilaf dalam kurikulum fiqh ialah penerapan elemen ini mampu memberi kefahaman yang baik kepada pelajar terhadap fiqh ikhtilaf, dapat membuka minda siswa pendidik untuk lebih cakna kepada isu ikhtilaf fiqhi yang berbangkit dan mampu memberi pencerahan kepada masyarakat apabila ditanya. Antara respons-respons lain yang dilontarkan oleh responden ialah penerapan elemen fiqh ikhtilaf dapat membolehkan pelajar membezakan yang benar dan batil, dapat memahami dengan jelas dalil-dalil dalam perkara yang diperselisihkan dan dapat mengelakkan kekeliruan dari ikhtilaf fiqh yang berbangkit.

Rumusan Dapatan Kajian

Perbincangan rumusan dapatan kajian ini dapat dikategorikan kepada lima aspek iaitu; 1. Kefahaman dan kemampuan siswa pendidik untuk berinteraksi dengan isu ikhtilaf; 2. Pernyataan persetujuan siswa pendidik dengan isi kandungan KSSR yang ada kaitan dengan ikhtilaf fiqhi. Dalam konteks kajian ini, isi pelajaran yang ditanya ialah lafaz niat solat; 3. Pengetahuan tentang perkembangan semasa isu ikhtilaf. Dalam konteks ini, responden ditanya tentang kewujudan pertembungan aliran pemikiran yang terlibat dalam ikhtilaf fiqhi; 4. Kecukupan elemen-elemen fiqh ikhtilaf dalam kurikulum fiqh IPGM; dan 5. Kepentingan penerapan elemen fiqh ikhtilaf dalam kurikulum fiqh IPGM.

Dari sudut kefahaman dan kemampuan siswa pendidik untuk berinteraksi dengan isu ikhtilaf, majoriti siswa pendidik iaitu sebanyak 80% mengatakan bahawa mereka boleh memahami dengan baik isu-isu ikhtilaf fiqhi yang terjadi dalam negara. Namun begitu, hanya 60% dalam kalangan mereka menjawab ‘setuju’ terhadap keyakinan dengan kemampuan diri sendiri untuk berinteraksi dengan isu-isu ikhtilaf fiqhi tersebut. Manakala selebihnya iaitu sebanyak 40% menjawab ‘kurang setuju’. Dapatan ini selari dengan kebimbangan kebolehan bakal guru berinteraksi dengan isu ikhtilaf fiqhi yang pernah disuarakan oleh Adenan Haji Basar & Ab. Halim Tamuri (2018).

Dari sudut persetujuan siswa pendidik dengan isi kandungan pelajaran lafaz niat solat pula, sebanyak 93.4% siswa pendidik bersetuju dengan isi pelajaran tersebut. Justifikasi yang diberikan adalah seperti murid lebih jelas dengan ibadat yang dilakukan, lebih faham konsep niat, boleh mendidik kanak-kanak supaya memulakan ibadah dengan niat, dapat menetapkan niat, dapat melatih murid melazimi setiap perbuatan dengan niat, dapat mengelakkan kekeliruan dan guru hendaklah mengajar murid mengikut amalan kebiasaan masyarakat. Dapatan ini menggambarkan majoriti siswa pendidik telah mempraktikkan sebahagian elemen fiqh ikhtilaf. Namun begitu, masih terdapat sebanyak 6.7% siswa pendidik yang barangkali belum mampu berlapang dada dan bertoleransi dalam permasalahan khilafiah. Juga boleh ditafsirkan sebagai belum mampu memahami ketetapan yang dibuat oleh pihak berwajib iaitu KPM iaitu kemestian menyampaikan isi kandungan yang terdapat dalam DSKP.

Dari sudut pengetahuan siswa pendidik terdapat kewujudan aliran pemikiran dalam kalangan ulama apabila berinteraksi dengan isu-isu ikhtilaf fiqhi pula, sebanyak 93.4% siswa pendidik bersetuju dengan kewujudan perkara tersebut. Majoriti siswa pendidik iaitu sebanyak 66.7%

juga sadar bahawa pertembungan yang terjadi adalah tidak sihat. Dapatan ini menggambarkan bahawa siswa pendidik agak peka terhadap situasi wujudnya pertembungan aliran pemikiran dalam memahami dan berinteraksi dengan perkara ikhtilaf yang berlaku dalam masyarakat.

Dari sudut kecukupan elemen-elemen fiqh ikhtilaf dalam kurikulum fiqh PPISMP & PISMP pula, majoriti siswa pendidik iaitu sebanyak 66.7% mengatakan bahawa kurikulum fiqh tidak memadai untuk memberikan kefahaman kepada isu-isu ikhtilaf yang berbangkit. Dapatan ini mungkin berkaitan dengan Laporan Penilaian Pematuhan Akreditasi Program - MQA. 10/99 Jld. 3 (48) yang menyatakan bahawa kandungan kurikulum Pendidikan Islam IPG masih terdapat kelemahan dan perlu dibuat penambahbaikan serta diambil tindakan pembetulan.

Dari sudut pandangan responden terhadap kepentingan penerapan elemen fiqh ikhtilaf dalam kurikulum fiqh IPGM pula, kesemua siswa pendidik menzahirkan pandangan tentang peri pentingnya penerapan elemen fiqh ikhtilaf dalam kurikulum fiqh PPISMP & PISMP. Antara kepentingan yang dinyatakan oleh responden ialah penerapan elemen ini mampu memberi kefahaman yang baik terhadap fiqh ikhtilaf, membuka minda siswa pendidik untuk lebih cakna kepada isu ikhtilaf fiqhi yang berbangkit, mampu memberi pencerahan kepada masyarakat apabila ditanya, dapat membezakan yang benar dan batil, dapat memahami dengan jelas dalil-dalil dalam perkara yang diperselisihkan dan dapat mengelakkan kekeliruan.

Cadangan Kajian Selanjutnya

Untuk kajian selanjutnya, penyelidik bercadang membuat analisis kepada isi kandungan yang ada dalam silibus subjek-subjek fiqh. Ia difikirkan perlu kerana silibus merupakan rujukan utama untuk mengenal pasti elemen-elemen fiqh ikhtilaf yang terdapat dalam kursus-kursus fiqh IPGM. Ia juga sebagai triangulasi data untuk melihat isu ini dengan lebih dekat. Dengan berbuat demikian, kesahan kajian dapat ditingkatkan.

Dari aspek responden pula, pandangan pensyarah selaku golongan penyampai kurikulum fiqh juga difikirkan patut diambil kira. Tinjauan pandangan para pensyarah IPG yang mengajar subjek fiqh difikirkan relevan dilakukan untuk melihat darjah keselarian persepsi siswa pendidik dan pensyarah terhadap penerapan elemen fiqh dalam kurikulum fiqh IPGM.

Dari sudut instrumen yang dibina pula, penyelidik akan membuat pemurnian terhadap instrumen yang sedia ada sebelum melanjutkan penggunaannya di IPG-IPG yang lain. Dengan sampel kajian yang lebih besar, kebolehpercayaan item dalam instrumen ini dapat dipertingkatkan. Selain dari kajian di peringkat IPGM, kajian sebegini juga difikirkan boleh diperluaskan juga di institut pengajian tinggi yang lain. Ia juga dilihat sesuai dijalankan di pusat pengajian bukan arus perdana seperti di pusat pengajian pondok.

Penyelidik juga akan berusaha untuk memperluaskan skop tinjauan ini agar cakupan kajian lebih menyeluruh. Antara skop yang akan diambil kira dalam kajian selanjutnya ialah faktor-faktor yang berpotensi mempengaruhi pemahaman siswa pendidik terhadap fiqh ikhtilaf ini. Dengan mengenal pasti faktor-faktor tersebut, cadangan-cadangan penambahbaikan kepada kurikulum fiqh IPGM difikirkan akan dapat diberikan dengan lebih menyeluruh dan baik.

Rujukan

- Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). (2011). *Garis Panduan Amalan Baik : Reka bentuk dan penyampaian kurikulum MQA*. Diakses dari <http://www2.mqa.gov.my/qad/garis panduan/MR%20CIIQ%20BM.pdf>
- Al-‘Alwani. (1992). *Adab Al-Ikhtilaf Fi Al-Islam*. Herndon, Vagina, USA.
- Al-Qaradhawi. (2001). *Al-Sohwah Al-Islamiah Bain Al-Ikhtilaf Al-Masru’ Wa Al-Tafarruq Al-Mazmum*. Dar Al-Syuruq. Cetakan Pertama. Al-Qaherah.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2015). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 1*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2007). *Research Methods in Education* (6th Ed.). New York: Routledge.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia, *Ringkasan Maklumat Kursus PIM1034 Pengantar ilmu Fiqh - Kemas kini November 2016*.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. *Ringkasan Maklumat Kursus FKIK3013 Fiqh Kekeluargaan - Kemas kini November 2016*.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. *Ringkasan Maklumat Kursus PIMK3083 Pengajian Fiqh - Kemas kini November 2016*.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2017). *Buku Panduan Akademik Program Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2017). *Buku Panduan Akademik Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian..* Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, (2017) *Garis Panduan Pengeluaran Fatwa Di Malaysia*. Diakses dari <http://e-smaf.islam.gov.my>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri*. Diakses dari <http://e-smaf.islam.gov.my>.
- Laporan Pematuhan Akreditasi Penuh PISMP di IPGK Tun Abdul Razak. MQA. 10/99 Jld. 3 (48).
- Mahmood Zuhdi. (2018). *Memperkasakan Fatawa : Keperluan Kepada Fiqah Tempatan. Fatwa Dan Perbezaan Pandangan : Cabaran Dan Penyelesaian*, 53-61, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Man, S., Ali, A. K., Abdullah, L. H., Ramli, R., & Farid, I. A. (2009). *Kesesuaian Pemikiran Dan Amalan Mazhab Selain Syafi’i Dalam Masyarakat Islam Di Malaysia*. Jurnal Fiqh, No.6. 21–40.